

FAQ

KERJASAMA KONSERVASI GAJAH ASIA ANTARA MALAYSIA DAN JEPUN

1. Siapakah pihak yang terlibat dalam kerjasama ini?

Kerjasama ini melibatkan Zoo Taiping & Night Safari (ZTNS), Majlis Perbandaran Taiping di Malaysia dan Osaka Tennoji Zoo di Jepun, yang diuruskan oleh Tennoji Zoological Gardens.

2. Bagaimana permohonan kerjasama ini bermula?

Permohonan kerjasama konservasi ini dikemukakan oleh Presiden Tennoji Zoological Gardens melalui surat bertarikh 14 Mac 2024 kepada Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES).

3. Apakah keputusan kerajaan Malaysia mengenai permohonan ini?

Dasar NRES mengutamakan pendekatan kerjasama konservasi antara Kerajaan (G2G) dengan mengambil kira aspek diplomasi dan manfaat optimum kepada Negara. Permohonan mengadakan kerjasama antara zoo dalam negara dengan zoo luar negara (B2B) akan dipertimbang berdasarkan permohonan (case to case basis) selaras dengan tatacara berkuatkuasa di bawah Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716], Akta Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Terancam 2008 [Akta 686] dan perundangan-perundangan lain yang berkaitan dengan mengambil kira aspek kelangsungan hidup spesies serta keupayaan dan pematuhan zoo kepada standard yang ditetapkan bagi menjamin kebajikan hidupan liar negara.

4. Apakah peranan Zoo Taiping & Night Safari dalam program ini?

ZTNS bertindak sebagai pihak yang menyelaras pelaksanaan program termasuk pengurusan penghantaran gajah ke Osaka Tennoji Zoo.

5. Adakah ZTNS mempunyai pengalaman dalam pengurusan gajah?

Ya. ZTNS telah memelihara gajah sejak tahun 1970-an dan berjaya membiakkan gajah sehingga menghasilkan 7 ekor anak gajah dalam koleksi mereka.

6. Adakah terdapat kerjasama rasmi antara ZTNS dan Jabatan PERHILITAN?

Ya. ZTNS telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Jabatan PERHILITAN Semenanjung Malaysia bagi Program Konservasi Hidupan Liar untuk tempoh 24 Oktober 2016 hingga 23 Oktober 2026.

7. Berapa lama kerjasama antara ZTNS dan Osaka Tennoji Zoo dalam konservasi gajah?

Kerjasama ini dirancang untuk tempoh 25 tahun, dengan perjanjian yang telah ditandatangani pada 19 Mei 2022 dan 6 Oktober 2022.

8. Apakah persediaan yang telah dilakukan sebelum penghantaran gajah?

Beberapa langkah telah dilaksanakan, antaranya:

- Lawatan dan penilaian kawasan kurungan serta kebajikan haiwan di Osaka Tennoji Zoo oleh ZTNS pada 6 Oktober 2022.
- Latihan pengurusan dan pengendalian gajah kepada kakitangan zoologi dan veterinar Osaka Tennoji Zoo di ZTNS pada 9 November 2022 dan 24 Mac 2023.

9. Berapa ekor gajah yang dihantar ke Osaka Tennoji Zoo?

Sebanyak 3 ekor Gajah Asia telah dihantar, terdiri daripada 1 jantan dan 2 betina.

10. Bilakah permit eksport gajah dikeluarkan?

Permit Khas untuk mengeksport gajah telah dikeluarkan kepada ZTNS pada 2 Januari 2026.

11. Bilakah gajah tersebut dihantar ke Jepun?

Ketiga-tiga gajah tersebut telah dihantar ke Osaka Tennoji Zoo melalui penerbangan pada 10 Mac 2026.

12. Apakah manfaat utama kerjasama ini?

Antara manfaat utama kerjasama ini ialah:

- Memperluaskan kepelbagaian genetik populasi gajah dalam kurungan.
- Menyokong kelangsungan spesies Gajah Asia melalui program konservasi.
- Meningkatkan kepakaran kakitangan dalam pengurusan dan penjagaan gajah.
- Menggalakkan penyelidikan dan pertukaran pengetahuan antara kedua-dua zoo.

13. Adakah gajah tersebut dijaga oleh pakar bagi memastikan kebajikan serta kesihatan gajah sentiasa terpelihara?

Ya, gajah tersebut dijaga secara rapi oleh pasukan pakar, termasuk doktor veterinar dan penjaga berpengalaman, bagi memastikan kebajikan, kesihatan, dan keselamatannya sentiasa terpelihara. Setiap aspek penjagaan gajah daripada pemakanan, latihan, pemeriksaan kesihatan berkala, hingga pemantauan tingkah laku. Ia dilaksanakan mengikut standard antarabangsa untuk kesejahteraan haiwan. Langkah-langkah ini memastikan gajah dapat menyesuaikan diri dengan persekitaran baru dengan selamat, sekaligus mengekalkan keadaan fizikal dan mental yang optimum.